

TERUS KENAKAN SEKATAN

reka tidak bertindak adil terhadap rakyat berkulit warna, seolah-olah yang berkulit warna bukan manusia.

"Kita menaruh harapan, suatu hari nanti kerajaan Afrika Selatan yang bebas dari apartheid akan menjadi ahli Komanwel yang ke-51 dan Malaysia akan menjadi pencadangnya bila saatnya tiba nanti," tegas Dato' Sri Dr. Mahathir.

Sambil berseloroh beliau juga berkata, kedatangan Encik Mandela ke Malaysia bukanlah untuk kepentingan diri kerajaan BN.

Sambil tersenyum beliau berkata: "Sebab itu kami minta lawatannya ditangguh sehingga selesai pilihanraya... itupun tanpa bantuan popularitinya boleh menang juga..."

Dalam ucapan balasnya, Encik Mandela pula menyanjung tinggi sokongan Malaysia terhadap perjuangan rakyat kulit hitam di Afrika Selatan.

Encik Mandela berkata, tidak dapat dinafikan, peranan Malaysia ketika berlangsung Persidangan Ketua - Ketua Kerajaan

Komanwel dahulu yang menyebabkan pembebasannya.

Beliau yang juga Timbalan Presiden ANC menegaskan, pejuang - pejuang pembebasan kulit hitam kini sedang merangka satu perlembagaan baru sebagai persediaan untuk membebaskan Afrika Selatan daripada apartheid.

Perlembagaan itu, katanya, akan dikemukakan kepada kerajaan apartheid Afrika Selatan walaupun peluang untuk diterima adalah amat tipis.

Sambil mengucapkan tahniah kepada kerajaan Dato' Sri Dr. Mahathir di atas kejayaannya dalam pilihanraya umum baru-baru ini, Encik Mandela berkata, keamanan masih belum wujud di Pretoria dan askar - askar kerajaan menembak pemuda - pemuda kulit hitam tanpa belas kasihan.

"Saya akan berjuang sehingga askar - askar ini menghentikan tindakan liar mereka dan kita sama - sama dapat menikmati kekayaan Afrika Selatan secara adil," tegasnya.

Malaysia terus kenakan sekatan ke atas rejim Afrika Selatan

KUALA LUMPUR 2 Nov. — Malaysia akan terus mengenakan sekatan dan tekanan - tekanan lain terhadap rejim kulit putih Afrika Selatan sehingga dasar apartheid dihapuskan terus di negara tersebut, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan, Malaysia masih berpendapat sekatan dan tekanan mesti diteruskan sehinggalah kesemua pejuang kulit hitam Afrika Selatan dibebaskan.

"Malaysia telah berjaya memainkan peranannya melalui Persidangan Ketua - Ketua Negara Komanwel untuk mendedak pembebasan Mandela dan kini kita akan meneruskan peranan yang sama dalam apa jua platform untuk menentang apartheid," kata Dato' Sri Dr. Mahathir ketika berucap di perhimpunan raksasa bersama Encik Nelson Mandela di Stadium Negara, petang ini.

Encik Mandela pula dalam ucapan balasnya di perhimpunan itu menyanjung tinggi sokongan dan peranan Malaysia menentang apartheid dan tekanan yang dikenakan terhadap kerajaan Afrika Selatan.

Katanya, sokongan yang tidak pernah

putus seperti yang diberikan oleh Malaysia dan negara - negara sahabat yang lain itulah yang telah membawa kepada pembebasannya.

Turut hadir di majlis tersebut ialah pemimpin - pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) dan menteri - menteri kabinet serta timbalan menteri.

Encik Mandela berada di sini untuk lawatan rasmi selama empat hari selepas melawat India, Indonesia, Australia dan Jepun.

Dato' Sri Dr. Mahathir dalam ucapan-nya berkata, ada beberapa pihak yang berpendapat sekarang adalah masanya untuk menarik balik sekatan ke atas Afrika Selatan selepas pembebasan Encik Mandela.

Bagaimanapun, katanya, pembebasan itu masih belum cukup untuk meyakinkan Malaysia dan beberapa negara Komanwel yang lain sehinggalah semua pemimpin kulit hitam dibebaskan.

Beliau menambah, Malaysia sahaja tidak cukup untuk menekan kerajaan apartheid Afrika Selatan sebaliknya ia memerlukan peranan semua anggota negara Komanwel.

Hasil tekanan Komanwel, kata Dato' Sri Dr. Mahathir, kerajaan Afrika Selatan telah membebaskan Encik Mandela dan beberapa pejuang lain.

Kata Perdana Menteri lagi, kecekalan hati Encik Mandela walaupun merengkok 27 tahun dalam penjara adalah di antara faktor utama yang membawa kepada pembebasannya.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, Encik Mandela bukanlah seorang pelampau kaum tetapi seorang pejuang untuk keadilan tanpa mengira warna kulit.

"Beliau anti kulit putih bukan kerana mereka berkulit putih tetapi kerana me-

LIHAT MUKA 2